

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]
TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 87

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan apakah **perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang** pihak Kerajaan dalam menyelesaikan masalah serta kemelut isu berkaitan dengan pemandu teksi dan pemandu Grab.

JAWAPAN

Perkhidmatan *e-hailing* merupakan suatu kaedah baharu tempahan kenderaan oleh pengguna menghubungkan dengan pemandu bagi mendapatkan perkhidmatan dari pintu ke pintu. Perkhidmatan seperti ini tidak termaktub dalam mana-mana akta sedia ada sehinggalah pindaan 2017 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memasukkan perkara berkenaan.

Perkembangan perkhidmatan *e-hailing* dinegara ini telah berkembang pesat sehingga perkhidmatan ini telah menjadi suatu kemestian kepada rakyat untuk melakukan pergerakan harian dari satu tempat ke tempat yang lain secara terus terutamanya dibandar-bandar utama.

Pelaksanaan kawal selia *e-hailing* juga adalah bagi memastikan kesaksamaan "*level playing field*" di antara perkhidmatan persendirian *e-hailing* dengan perkhidmatan teksi. Selain itu, ia juga bagi memastikan

tahap keselamatan bagi pengguna dan pemandu, memastikan hak pengguna dan pemandu tidak diabaikan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (**APAD**) bertanggungjawab menyediakan garis panduan bagi syarat permohonan Lesen Perniagaan Pengantraan (LPP) kepada syarikat penyedia aplikasi atau **E-hailing Operator (EHO)** untuk beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan. EHO pula perlu memastikan pemandu dan kenderaan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (**JPJ**) dan **PUSPAKOM** bagi pemandu memiliki *Public Service Vehicle (PSV)* dan mendaftarkan kenderaan di Jabatan berkenaan.

Kenderaan perlu menjalani ujian berkala awam PUSPAKOM dan mengisytiharkan kenderaan di JPJ bagi mengesahkan kenderaan tersebut beroperasi sebagai *e-hailing*. Selain itu pemandu e-hailing perlu mendapatkan insurans lanjutan *e-hailing* sebagai perlindungan menyeluruh kepada pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga.

Pihak kerajaan telah memberikan tempoh moratorium selama setahun bagi memberikan peluang kepada EHO mendapatkan lesen dan mendaftarkan kenderaan manakala pemandu perlu memiliki lesen PSV sebelum 12 Julai 2019. Bermula 12 Julai 2019 pihak Penguatkuasa JPJ akan menguatkuasakan sepenuhnya terhadap kenderaan dan pemandu yang menyediakan perkhidmatan *e-hailing* ini.

Sebarang maklumbalas dan cadangan dalam tempoh pelaksanaan akan sentiasa diambil kira bagi perancangan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.